Perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan mereka.

6 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.

A ismah rasul
B mukjizat
C sihir
D karamah

7 Berikut adalah hikmah rasul dipilih dalam kalangan manusia ***kecuali;***

A Rasul dapat menunjukkan contoh ikutan yang sempurna
B Menjadi ujian kepada manusia sama ada menerima kebenaran rasul atau tidak
C Menunjukkan kemuliaan manusia yang dipilih menjadi khalifah di muka bumi
D Menyukarkan manusia untuk beriman apabila rasul dikurniakan mukjizat

8 Apakah maksud rasul ululazmi?

A Rasul yang mempunyai kecekalan menghadapi ujian
B Rasul terhindar daripada melakukan dosa
C Rasul dari kalangan bani Israel
D Rasul yang diberi mukjizat yang banyak

9 Maksud Ismah Al rasul dari segi bahasa ialah

A terpilih melakukan kebaikan
B kecekalan hati menghadapi ujian
C terpelihara dari sesuatu keburukan
D keistimewaan yang melemahkan

10 Pilih pasangan nabi dan mukjizat yang betul dari pernyataan di bawah

A Nabi Sulaiman – unta yang sempurna sifat keluar dari batu
B Nabi Soleh – memerintah angin yang membawa baginda ke tempat jauh
C Nabi Isa – menghidupkan burung yang diperbuat dari tanah setelah meniupnya
D Nabi Daud – Tongkat baginda bertukar menjadi ular kemudia menelan ular jelmaan tukang sihir

11 Berikut adalah contoh kecekalan nabi Musa kecuali

A Berlawan dengan tukang sihir Firaun
B Berhadapan dengan Firaun iaitu pemerintah Mesir yang zalim
C Berhijrah ke Palestin bersama kaum Bani Israil yang degil dan ingkar
D Ditentang oleh Yahudi sehingga mereka membuat konspirasi untuk membunuh baginda

12 Berikut ialah rasul-rasul Ulul Azmi kecuali

A Nabi Ibrahim
B Nabi Nuh
C Nabi Isa
D Nabi Harun

LIVEWORKSHEETS